

# IPTA dilarang potong, had bajet internet

Berita Harian

Kelajuan jalur lebar, gelombang frenkuensi patut dipertingkatkan

Oleh Mohd Anwar Patho Rohman  
wananwar@bharian.com.my

**P**ETALING JAYA: Semua institusi pengajian tinggi awam (IPTA) diarah supaya tidak memotong atau mengurangkan perbelanjaan kemudahan internet yang disediakan di kampus masing-masing, walaupun kerajaan pada masa ini memperkenalkan langkah berjimat cermat.

Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Saifuddin Abdullah, berkata usaha meningkatkan lagi kemudahan capaian internet seperti memperluas perkhidmatan internet tanpa wayar (WiFi) dan menambah kelajuan penerimaan gelombang frekuensi patut diberi keutamaan oleh pengurusan IPTA berbanding membelanjakan peruntukan bagi perkara lain.

“Saya berharap pihak universiti cuba perbaiki lagi talian internet di kampus. Jika belanjawan dipotong kerana langkah berjimat cermat, perbelanjaan bagi internet tidak boleh dipotong. Yang penting tingkatkan

kelajuan dan kapasiti internet di kampus.

“Tidak perlu cat baru bangunan atau buat pagar atau bina bangunan baru. Saya tidak mahu dengar lagi mahasiswa mengadu kepada saya melalui Facebook yang talian internet di kampus mereka selalu sesak atau perlahan,” katanya pada sidang media selepas berucap pada Seminar Muslim Super anjuran badan bukan kerajaan (NGO), iluvislam.com di sini, semalam.

Saifuddin berkata, kemudahan internet di IPTA masih banyak perlu diperbaiki kerana ia menjadi medium utama bagi mahasiswa mendapatkan maklumat terkini sama ada menyiapkan tugas, mendapatkan maklumat atau berinteraksi.

Katanya, pengurusan IPTA tidak boleh lagi menganggap pelaburan memajukan kemudahan internet sebagai sesuatu yang merugikan kerana internet semakin sehati dalam kehidupan masyarakat terutama mahasiswa.

“Ada pengurusan IPTA menyalahkan mahasiswa kononnya tindakan mereka memuat turun pelbagai maklumat termasuk video menyebabkan talian internet menjadi perlahan atau sesak.

“Pengurusan IPTA perlu sedar bahawa inilah dunia mahasiswa sekarang. Mereka hanya mahu kemudahan internet pantas dan mudah dicapai di mana-mana saja. Ia kini menjadi lumrah dalam kehidupan mereka.” katanya.

**“Pengurusan IPTA tidak boleh lagi menganggap pelaburan memajukan kemudahan internet sebagai sesuatu yang merugikan...”**

**Saifuddin Abdullah**

Timbalan Menteri Pengajian Tinggi